


TARIKH	RABU, 3 APRIL 2024
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PANTAU KAKI SELEWENG
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE



PENGUAT kuasa diingatkan supaya menjaga imej kerajaan dengan tidak mengambil rasuah ketika menjalankan tugas. — GAMBAR HIASAN

PM minta tindakan tegas kepada kakitangan rasuah

Pantau kaki seleweng

Oleh MUHAMMAD NAJIEB
AHMAD FUAD

PUTRAJAYA — Kerajaan akan memantau secara dekat setiap agensi penguatkuasaan bagi mencegah daripada terpalit isu kecurangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia ekoran terdapat segelintir penguat kuasa yang masih dikesan mengamalkan amalan rasuah serta salah guna kuasa.

"Ini peringatan badan penguatkuasaan bukan sahaja kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan imigresen. Kita sedang pantau dari dekat.

"Saya harap sangat supaya kita dapat elakkan laporan-laporan kecurangan ini, kerana majoriti itu memang hasrat untuk buat kebaikan tapi kadang-kadang dia hidup dalam budaya 'sakau' semua jadi terpaksa ambil," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan di Kemen-



ANWAR

terian Kewangan di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar turut menghargai langkah segera yang diambil oleh ketua pengarah kastam bagi menangani rasuah.

"Tahniah ketua pengarah kastam kerana dia tidak melihat dari segi negatif tetapi terus ambil tindakan, tukar, ambil tindakan disiplin dan sebagainya.

"Jangan biarkan sekelumit ini mencacatkan imej perkhidmatan awam, kalau ada tindakan seperti dilakukan ketua pengarah, saya ucap tahniah," ujarnya.

Jumaat lalu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Azam Bakri mendedahkan, jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan anggota kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur mencecah RM2 bilion.

Katanya, seramai 34 penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.

DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
--------------------	--